

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT**  
**KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan *Feed-in Tariff* diperkenalkan 2011 bertujuan menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar. Berapakah dana yang berjaya dikumpulkan, berapa rumah yang telah diberikan kuota untuk *Feed-in Tariff* dan berapakah jumlah syarikat tempatan yang berjaya dilahirkan menggunakan teknologi tempatan terutamanya solar.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 29 Februari 2016, sebanyak RM1,835,493,592.10 telah dikutip untuk Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB). Jumlah kutipan ini adalah untuk membiayai permohonan *Feed-in Tariff* (FiT) bagi projek-projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) daripada pelbagai sumber iaitu solar PV, biomass, biogas, hidrokuasa kecil dan geoterma.
2. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 7,903 permohonan *Feed-in Tariff* (FiT) bagi sumber solar PV untuk kategori individu telah diluluskan dengan kapasiti sebanyak 73.31MW. Bagi kategori bukan individu dan komuniti, sebanyak 726 permohonan berkapasiti 177.39MW telah diluluskan. Selain itu, sebanyak 110 buah syarikat perkhidmatan solar PV tempatan telah berjaya dilahirkan hingga kini.

\*\*\*\*\*